
BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA AMALAN 31****SEKURITI TERIKAT**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa: 8 Mei 2013	Perenggan 4.20 dan 4.21
Tarikh semakan: 31 Disember 2015	

1.0 Pengenalan

- 1.1 Nota Amalan ini menjelaskan mengenai kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh pemohon yang memohon penerimaan masuk sekuriti terikat dalam Senarai Rasmi, dan obligasi penyenaian berterusan penerbit sekuriti terikat.

2.0 Takrif

- 2.1 Bagi maksud Nota Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -
- (a) “**penerbit asas**” merujuk kepada penerbit sekuriti terikat yang menyatukan atau menggabungkan penyata kewangan kumpulan terikat dan menerbitkan penyata kewangan kumpulan terikat berdasarkan penyatuan atau penggabungan; dan
 - (b) “**penerbit terikat yang lain**” merujuk kepada penerbit sekuriti terikat yang penyata kewangannya disatukan atau digabungkan dengan penyata kewangan penerbit asas.

3.0 Penerimaan masuk

- 3.1 Pemohon mesti terlebih dahulu merundingi SC dan mendapatkan kelulusan daripada SC dan pihak berkuasa lain yang berkenaan (jika berkenaan) sebelum penyenaian dan sebut harga sekuriti terikat boleh dipertimbangkan oleh Bursa.
- 3.2 Pemohon yang memohon penerimaan masuk sekuriti terikat dalam Senarai Rasmi mesti, secara individu atau kolektif mematuhi kehendak penerimaan masuk yang dinyatakan dalam Bab 3, 4, 4A atau 4B Kehendak-Kehendak Penyenaian, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai tambahan kepada Nota Amalan ini.

3.3 Pemohon-pemohon yang memohon penerimaan masuk sekuriti terikat mesti menzahirkan struktur pengikatan dalam permohonan penyenaraian dan dokumen sokongan mereka, dan mengemukakan sesalinan surat ikatan pengikatan bagi menyokong permohonan penyenaraian mereka bagi sekuriti terikat.

4.0 Ejen atau wakil

4.1 Pemohon/penerbit sekuriti terikat mesti melantik ejen atau wakil yang bertanggungjawab bagi komunikasi dengan Bursa, bagi pihak pemohon/penerbit sekuriti terikat.

5.0 Pengikatan dan penerbitan sekuriti

5.1 Penerbit sekuriti terikat mesti memastikan bahawa sekuriti itu kekal terikat pada setiap masa selepas penyenaraian.

5.2 Penerbit sekuriti terikat mesti:

- (a) bekerjasama antara satu sama lain untuk memastikan pematuhan kepada peruntukan pengikatan dalam surat ikatan pengikatan atau dokumen konstituen lain dan Kehendak-Kehendak Penyenaraian;
- (b) memastikan bahawa mana-mana sekuriti yang diterbitkan oleh penerbit padan dengan penerbitan sekuriti penerbit lain dalam kumpulan terikat;
- (c) mengeluarkan perakuan bersama dan menyenggara daftar bersama; dan
- (d) memastikan bahawa apa-apa tindakan korporat yang dilaksanakan tidak menjejaskan pengikatan sekuriti.

6.0 Pemberian bantuan kewangan

6.1 Sebagai tambahan kepada pemberian bantuan kewangan yang dibenarkan di bawah perenggan 8.23(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit sekuriti terikat boleh memberikan bantuan kewangan dalam kumpulan terikat tertakluk kepada pematuhan perenggan 8.23(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

7.0 Pengumuman serta-merta mengenai pindaan kepada surat ikatan pengikatan

7.1 Sebagai tambahan kepada kehendak penzahiran yang dinyatakan dalam Bab 9 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit-penerbit sekuriti terikat mesti dengan serta-merta mengumumkan kepada Bursa apa-apa cadangan pindaan dan pindaan berikutnya kepada surat ikatan pengikatan atau dokumen konstituen mereka.

8.0 Laporan suku tahun

8.1 Bagi maksud pematuhan kepada perenggan 9.22 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit asas sekuriti terikat mesti mengumumkan kepada Bursa laporan suku tahun kumpulan terikat berdasarkan penyatuan atau penggabungan.

9.0 Penerbitan laporan tahunan

9.1 Bagi maksud mematuhi perenggan 9.23(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit sekuriti terikat mesti mematuhi yang berikut:

- (a) penerbit asas mesti menerbitkan laporan tahunannya yang termasuk penyata kewangan teraudit tahunan kumpulan terikat berdasarkan penyatuan atau penggabungan, mengikut mana-mana yang berkenaan, berserta dengan laporan juruaudit dan pengarah kumpulan terikat itu; dan
- (b) sekiranya penerbit terikat yang lain menerbitkan laporan tahunan, ia juga mesti mengumumkan laporan tahunannya kepada Bursa.

9.2 [Dipotong]

10.0 Transaksi

10.1 Bagi maksud mengira nisbah peratusan yang terpakai dalam Bab 10 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit sekuriti terikat mesti terlebih dahulu merundingi Bursa. Secara umumnya, Bursa akan menghendaki penerbit untuk mengira nisbah peratusan sesuatu transaksi berdasarkan penyata kewangan kumpulan terikat yang disediakan sama ada berdasarkan penyatuan atau penggabungan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

10.2 Sekiranya nisbah peratusan berkait dengan keuntungan bersih, pengiraan adalah berdasarkan kepada keuntungan bersih kumpulan terikat (iaitu keuntungan bersih agregat yang boleh dikaitkan dengan penerbit asas dan penerbit terikat yang lain).

10.3 Pihak yang berkaitan dengan setiap penerbit sekuriti terikat termasuk pihak yang berkaitan dengan penerbit lain dalam kumpulan terikat.

10.4 Bursa boleh mengetepikan pematuhan kepada peraturan-peraturan bagi transaksi antara penerbit dalam kumpulan terikat, jika sesuai.

11.0 Obligasi penyenaraian berterusan lain

11.1 Semua obligasi penyenaraian berterusan lain Kehendak-Kehendak Penyenaraian terpakai bagi penerbit-penerbit sekuriti terikat, sama ada secara individu atau kolektif dan pengarah atau pegawai mereka, jika berkenaan dan dengan ubah suaian yang perlu.

12.0 Keadaan kewangan dan tahap operasi penerbit sekuriti terikat

- 12.1 Kriteria Ditetapkan yang dinyatakan dalam Nota Amalan 17 adalah terpakai bagi penerbit sekuriti terikat dengan ubah suaian yang perlu, mengambil kira jenis sekuriti yang terlibat dan tertakluk kepada perundingan terlebih dahulu dengan Bursa.
- 12.2 Secara umumnya, apabila menilai sama ada penerbit sekuriti terikat mencetuskan Kriteria Ditetapkan yang dinyatakan dalam Nota Amalan 17, Bursa akan mengambil kira pertimbangan yang berikut:
- (a) berhubung dengan sub-perenggan 2.1(a), penilaian akan dibuat berdasarkan ekuiti yang boleh dikaitkan dengan pemegang sekuriti kedua-dua penerbit asas dan penerbit terikat yang lain; dan
 - (b) berhubung dengan sub-perenggan 2.1(b), (c), (d), (e), (f), (g) dan (h), penilaian akan dibuat berdasarkan penyata kewangan disatukan atau digabungkan kumpulan terikat.

13.0 Pembatalan penyenaraian

- 13.1 Sebagai tambahan kepada kuasa Bursa sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab 16 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, Bursa boleh membatalkan penyenaraian mana-mana atau semua sekuriti daripada Senarai Rasmi sekiranya sekuriti itu tidak lagi terikat.